

## NEWS CLIPPING

EVENT	7-Eleven laksana portal AX Retail B2B
PUBLICATION	Utusan Malaysia
PAGE/SECTION	Business
DATE	21 June 2019
TIME	

### 7-Eleven laksana portal AX Retail B2B

Oleh **SHAHIZAM TAZALI**  
ekonomi@utusan.com.my

**KUALA LUMPUR 21 Jun** - Pengendali rantaian kedai serbaneka, 7-Eleven Malaysia Holdings Berhad (7-Eleven) dan penyedia penyelesaian teknologi runcit, Radiant Globaltech Holdings Berhad menjalin kerjasama untuk melaksanakan portal pengurusan runcit, AX Retail B2B.

Ketua Pegawai Eksekutif 7-Eleven, Colin Harvey berkata, 7-Eleven akan menggunakan portal AX Retail B2B bagi tempoh tiga tahun dan boleh diperbaharui semula setiap tahun apabila perjanjian awal berakhir.

Katanya, kesemua pembekal perdagangan untuk 2,323 cawangan 7-Eleven dapat menggunakan portal berasaskan awan itu bagi menyelaraskan keseluruhan proses pemerolehan dari mengurangkan kesilapan dalam penghantaran, invois dan pembayaran.

"Kecekapan yang tinggi diperlukan untuk operasi sokongan dan jabatan akaun dapat diselaraskan lebih pantas selain mengurangkan kesilapan," katanya pada majlis memeterai perjanjian kerjasama antara kedua-dua syarikat di sini hari ini.



**SEMUA** pembekal perdagangan untuk 2,323 cawangan 7-Eleven dapat menggunakan portal berasaskan awan bagi menyelaraskan keseluruhan proses pemerolehan dan mengurangkan kesilapan dalam penghantaran, invois dan pembayaran. - GAMBAR HASAN

Yang turut hadir, Pengarah Urusan Radiant Globaltech, Paul Yap Ban Foo.

Mengenai penambahan cawangan, Harvey berkata, pihaknya melihat potensi untuk meningkatkan bilangan cawangan 7-Eleven sebagai sebahagian daripada rancangan jangka panjang syarikat.

Katanya, terdapat peluang

yang besar bagi 7-Eleven untuk mempunyai 3,000 atau 5,000 cawangan.

"Terdapat banyak pembangunan baharu di sekeliling kita termasuk bangunan-bangunan baharu dan pusat beli-belah juga semakin bertambah. Secara tidak langsung, ia menyediakan banyak peluang kepada kami untuk berkembang," ujarnya.